

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH
TARIKH : 23.11.2017
SOALAN : NO.21

Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah [Jasin] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

- (a) kedudukan seperti pada 30 September 2017 iaitu bilangan peminjam dan nilai pinjaman yang diberikan oleh PTPTN mengikut IPTA & IPTS dan purata beban hutang seorang peminjam IPTA & IPTS; dan
(b) bilangan peminjam dan nilai hutang yang belum dibayar dan usaha untuk mengurangkan beban mereka kerana ramai yang masih menganggur atau berpendapatan rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Sehingga 30 September 2017, sebanyak 2,778,906 pinjaman telah diluluskan dengan peruntukan sehingga tamat pengajian sebanyak RM63,327.94 juta. Daripada jumlah kelulusan tersebut, sebanyak 1,844,814 pinjaman telah diluluskan kepada pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dengan peruntukan berjumlah RM32,762.23 juta manakala sebanyak 934,092 pinjaman yang diluluskan adalah kepada pelajar-pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM30,565.71 juta. Berdasarkan kelulusan pinjaman ini, purata hutang seorang

peminjam IPTA adalah sebanyak RM17,759.10 manakala peminjam IPTS adalah RM32,722.38.

- (b) Sehingga 30 September 2017, seramai 1,900,743 peminjam telah tamat pengajian dan sepatutnya memulakan bayaran balik melibatkan amaun yang patut dikutip sebanyak RM18.97 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM6.84 bilion masih lagi tertunggak, di mana sebanyak RM2.79 bilion adalah tunggakan daripada 410,500 peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik, manakala RM4.05 bilion lagi adalah tunggakan daripada peminjam yang sedang membuat bayaran balik tetapi kurang daripada jumlah ansuran yang ditetapkan.

PTPTN sentiasa peka dengan peminjam yang tidak dapat menunaikan kewajipan membayar balik pinjaman atas faktor ekonomi semasa serta kesukaran mendapatkan pekerjaan atau berpendapatan rendah. Justeru itu, PTPTN telah melancarkan program '*Boleh Bincang*' pada 23 Mac 2017 yang dikhususkan kepada peminjam PTPTN yang menghadapi kekangan membayar balik pinjaman. Program ini membantu peminjam mencari solusi kepada permasalahan yang dihadapi secara rundingan. Mereka boleh menghubungi talian *Careline* PTPTN atau hadir ke mana-mana 67 cawangan PTPTN di seluruh negara. Antara kaedah penyelesaian yang disediakan adalah:

- i. membenarkan penangguhan sehingga 24 bulan terhadap peminjam yang masih belum mendapat pekerjaan;

- ii. membenarkan peminjam membuat penstrukturan semula pinjaman mereka berdasarkan kemampuan sehingga umur 60 tahun; dan
- iii. peminjam digalakkan menyertai Program Pengurusan Kredit (PPK) oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) sekiranya mempunyai masalah pengurusan kewangan dan keberhutangan yang serius.

SOALAN (22)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23 NOVEMBER 2017
[KHAMIS]

DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI
[DUNGUN]

SOALAN :

YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah pemulihan ekonomi rakyat dan peluang-peluang pekerjaan dalam usaha mengurangkan bebanan rakyat dan graduan yang baru tamat pengajian.

37

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan meneruskan prinsip dan pendekatan pembangunan secara inklusif dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dengan melihat dari pelbagai perspektif utama dalam usaha untuk menangani kenaikan kos sara hidup dan di antaranya termasuk;

Pertama: **Memperkukuh pemantauan dan penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga** di mana usaha berterusan untuk mengekang kenaikan harga yang tidak munasabah terutamanya keperluan asas.

Kedua: **Kementerian Kewangan akan mengkaji dan menimbang semula** beberapa perkara seperti had pelepasan cukai dinaikan dan ditambah perkara-perkara yang boleh dikecualikan daripada cukai kepada golongan M40, pelepasan cukai bagi kos penjagaan anak ke

atas ibu bapa dan penstrukturan semula cukai pendapatan ke atas golongan berpendapatan sederhana.

Ketiga: **Cadangan Kementerian Sumber Manusia dan Persatuan Pengilang Malaysia (FMM) dengan pendekatan *Productivity-Linked Wage System (PLWS)*** bagi menggalakkan majikan memberi kenaikan gaji yang berpatutan sesuai dengan produktiviti pekerja.

Keempat: **Meningkatkan program pengurusan kewangan dan hutang** di mana tahap literasi dan keupayaan pengurusan kewangan diperkukuh sepanjang tahap kehidupan untuk memupuk pengurusan kewangan berhemat dari usia muda serta untuk mengelakkan kadar keberhutangan yang tinggi dalam kalangan isi rumah B40.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), masalah pengangguran telah mempengaruhi pasaran buruh dan ianya menjadi satu daripada komponen penting dalam pembangunan modal insan. Bagi mengatasinya, Kerajaan memberi tumpuan kepada empat (4) bidang fokus utama iaitu:

Pertama; **Bidang Fokus A** iaitu menambah baik kecekapan pasaran buruh untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui usaha

meminimumkan ketidakpadanan (*mismatch*) dalam pasaran buruh di mana Jawatankuasa Jurang Kemahiran Kritikal ditubuhkan bagi mengenal pasti jurang kemahiran kritikal dalam sektor strategik bagi perancangan modal insan akan datang. Kerajaan turut memberi tumpuan dalam mengatasi pengangguran belia menerusi program seperti Skim Kemahiran Kerjaya 1Malaysia (SKK1M), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan 1Malaysia *Skills Training and Enhancement for the Rakyat* (1MASTER).

Keduanya; **Bidang Fokus B** iaitu mentransformasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk memenuhi permintaan industri di mana dianggarkan sebanyak 60% daripada pekerjaan yang diwujudkan dalam tempoh RMKe-11 dijangka memerlukan kelayakan TVET.

Ketiga; **Bidang Fokus C** iaitu memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran bagi membolehkan rakyat Malaysia mendapat latihan semula dan peningkatan kemahiran secara berterusan untuk memenuhi permintaan pasaran buruh. Fokus ini tidak terhad kepada tenaga kerja sedia ada, malahan meliputi

individu di luar sistem pendidikan formal, yang tidak bekerja atau bersara.

Keempat; **Bidang Fokus D** iaitu menambah baik kualiti pendidikan untuk meningkatkan *outcome* pelajar dan kecemerlangan institusi melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 hingga 2025 (Pendidikan Tinggi) yang dilancarkan pada tahun 2015. Pelan ini akan menjana lonjakan besar dalam pengoperasian sistem pendidikan tinggi dengan melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

Sekian, terima kasih.

23 November 2017